



UCAPAN BAJET 2015

OLEH

**Y.A.B. DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN
KETUA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN SABAH**

DI

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI

PADA

07 NOVEMBER 2014 (JUMAAT)

BERSAMAAN 14 MUHARRAM 1436H

**“MENUMPU KELESTARIAN PEMBANGUNAN
UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT”**

Bismillahir Rahmannir Rahim,

Tuan Speaker,

1. Saya mohon mencadangkan Bajet Negeri Sabah bagi tahun 2015 untuk kelulusan Dewan yang mulia ini.

PENDAHULUAN

2. Alhamdulillah, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran dan segala pujian ke hadrat ALLAH Subhanahu Wa Ta'ala, Tuhan seru sekalian alam, Tuhan yang Maha Esa, Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang kerana dengan izin dan rahmatNya jua, maka dapat saya sekali lagi menggalas amanah bagi membentangkan Bajet Negeri Sabah untuk tahun 2015, pada petang hari Jumaat yang penuh dengan keberkatan; 07 November 2014 bersamaan dengan 14 Muharram 1436 Hijrah, di Dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker,

3. Sesungguhnya, bajet kali ini merupakan satu manifestasi Kerajaan Negeri untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan tahun terakhir Rancangan Malaysia Ke Sepuluh. Ianya menjadi wadah landasan kelangsungan pembangunan masa hadapan negeri Sabah dengan menitikberatkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.

4. Sepertimana kita sedia maklum, saban tahun Kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan yang agak besar untuk pembangunan negeri Sabah. Rahmat ini tidak datang bergolek. Ini adalah hasil kerjasama dan hubungan rapat dan erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Ini membolehkan semua lapisan masyarakat di negeri Sabah, tanpa mengira bangsa dan agama, di bandar dan di desa, dapat menikmati pelbagai manfaat yang disediakan dalam peruntukan pembangunan negara.

5. Bajet Negara tahun 2015 yang dibentangkan pada 10 Oktober 2014 oleh YAB Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Panglima Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak merupakan bajet yang terbaik; realistik dan inklusif; prihatin dan penyayang, serta mengutamakan kesejahteraan rakyat dalam meneruskan tradisi membela nasib rakyat.

6. Kerajaan Negeri dan rakyat Sabah merakamkan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada YAB Perdana Menteri dan Menteri Kewangan di atas keprihatinan dan komitmen berterusan Kerajaan Persekutuan terhadap pembangunan negeri dan kesejahteraan rakyat Sabah. Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan komitmen Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan projek-projek pembangunan di Sabah seperti Projek Lebuhraya Pan-Borneo yang melibatkan kos RM27 bilion. Projek ini bakal memacu transformasi ekonomi Sabah dan Sarawak. Kerajaan Negeri juga menghargai usaha Kerajaan Persekutuan untuk mengukuhkan lagi tahap keselamatan di ESSZONE dan ESSCOM di mana sebanyak RM660 juta disediakan pada tahun 2015. Peruntukan besar yang telah diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk Negeri Sabah dalam

bajet 2015 meyakinkan kita semua bahawa Negeri Sabah berada dalam landasan yang tepat untuk mencapai status negeri maju seiring dengan wawasan negara. **Alhamdulillah.**

EKONOMI DUNIA

Tuan Speaker,

7. Pertumbuhan ekonomi dunia dijangka berkembang pada kadar yang lebih kukuh sebanyak 3.8% pada tahun 2015 berbanding dengan 3.3% pada tahun 2014. Secara keseluruhannya, pertumbuhan ekonomi negara-negara maju dijangka meningkat kepada 2.3% pada tahun 2015 daripada 1.8% pada 2014. Peningkatan ini dipacu oleh pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat yang semakin mengukuh pada kadar 3.1% pada tahun 2015 berbanding 2.2% pada tahun 2014.

8. Negara-negara anggota Kesatuan Eropah dijangka akan mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih positif pada kadar 1.3% pada tahun 2015 berbanding hanya 0.8% pada tahun 2014. Manakala pertumbuhan ekonomi Jepun diramalkan menurun pada kadar 0.8% pada tahun 2015 berbanding 0.9% pada tahun 2014. Kerancangan pertumbuhan ekonomi negara China pula diunjurkan akan mengalami sedikit penguncupan pada kadar 7.1% pada tahun 2015 berbanding 7.4% pada tahun 2014. Manakala ekonomi India diunjurkan berkembang daripada 5.6% pada tahun 2014 kepada 6.4% pada tahun 2015.

9. Bagi ekonomi negara ASEAN-5 (Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Vietnam), kadar pertumbuhan ekonomi negara-negara tersebut dijangka berkembang daripada 4.7% pada tahun 2014 kepada 5.4% pada tahun 2015.

EKONOMI NEGARA

Tuan Speaker,

10. Pada suku pertama tahun 2014, pertumbuhan ekonomi Malaysia direkodkan pada paras 6.3%. Ini didorong oleh perkembangan dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Secara keseluruhannya, ekonomi Negara dijangka akan berkembang antara 5.5% hingga 6% pada tahun 2014. Momentum pertumbuhan ini adalah disebabkan oleh kerancangan perbelanjaan pengguna, pengukuhan pelaburan swasta dan permintaan global yang bertambah baik. Pendapatan Negara Kasar Nominal (GNI Nominal) pula diunjurkan berkembang sebanyak 10.2% daripada RM952.6 bilion pada tahun 2013 kepada RM1,049.5 bilion pada 2014. Pendapatan per kapita diunjurkan akan meningkat 8.9% daripada RM31,843 pada tahun 2014 kepada RM34,682 pada tahun 2015. Daripada sudut Pariti Kuasa Beli (PPP), pendapatan per kapita negara diunjurkan akan meningkat sebanyak 2.2% dari USD22,460 pada tahun 2013 kepada USD22,958 pada tahun 2014.

EKONOMI SABAH

Tuan Speaker,

11. Ekonomi negeri Sabah dijangka akan mengekalkan momentum pertumbuhan yang stabil pada tahun hadapan. Pertumbuhan mampan ekonomi negeri dijangka akan didorong oleh eksport, pelaburan domestik dan perbelanjaan awam. Pada enam bulan pertama tahun ini, imbangan dagangan telah mencatatkan pertumbuhan positif melebihi RM5 bilion, manakala pelaburan domestik yang direkodkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah mencecah RM1 bilion. Dalam pada itu, untuk tempoh lapan (8) bulan pertama tahun ini, jumlah pelaburan direalisasikan dalam Koridor Pembangunan Sabah (SDC) telah meningkat secara signifikan iaitu sebanyak RM19.75 bilion berbanding RM7.64 bilion pada tahun 2013. Dengan pelbagai insentif istimewa yang diberikan kepada SDC, jumlah pelaburan dalam negeri Sabah dijangka akan terus meningkat. Kerancangan aktiviti-aktiviti dalam sektor hartanah, kewangan, insuran dan perniagaan akan terus dirasai. Ini tercermin oleh peningkatan jumlah pinjaman yang diluluskan oleh bank-bank perdagangan (*commercial bank loans*) dalam sektor ini setakat bulan Jun 2014 iaitu sebanyak RM3.079 bilion berbanding RM2.85 bilion dalam tahun 2013. Sektor perkhidmatan yang juga didorong oleh sektor pelancongan kekal teguh sungguhpun telah berhadapan dengan pelbagai cabaran pada tahun ini. Sehingga bulan Julai 2014, jumlah ketibaan pelancong telah meningkat sebanyak 3% yang disumbangkan oleh pertumbuhan kukuh dalam jumlah ketibaan domestik dan juga

ketibaan pelancong dari negara Jepun, Korea Selatan, Eropah dan Amerika Utara.

12. Seperti mana yang telah diumumkan dalam pembentangan Bajet Persekutuan 2015, perbelanjaan awam akan terus memfokus kepada pembangunan infrastruktur, pendidikan dan latihan serta pembangunan luar bandar bagi mengukuhkan lagi pembangunan negeri. Pembangunan rumah mampu milik juga akan diperluaskan untuk memastikan rakyat mampu untuk memiliki rumah kediaman sendiri.

13. Penggunaan swasta dijangka akan bertumbuh secara sederhana disebabkan oleh polisi kewangan negara yang lebih ketat dan juga rasionalisasi subsidi minyak serta pelaksanaan GST pada tahun hadapan. Kesannya, kadar inflasi juga dijangka akan meningkat sedikit pada tahun hadapan. Sebagai langkah ke hadapan, dengan sokongan kuat serta fokus daripada Kerajaan Persekutuan untuk merencanakan lagi pembangunan negeri, peningkatan keyakinan para pelabur, kedudukan kewangan negeri yang kukuh disamping prospek ekonomi global yang lebih cerah, ekonomi negeri Sabah diramal akan bertumbuh pada kadar di antara 4.5% hingga 5% pada tahun 2015.

Pembangunan Industri Petroleum dan Gas

Tuan Speaker,

14. Perkembangan industri petroleum dan gas adalah sangat penting kepada pembangunan sosio-ekonomi Negeri Sabah dan Malaysia. Sebelum ini, penglibatan Kerajaan Negeri dalam industri petroleum dan gas di Sabah adalah minimal. Menyedari potensi industri ini dalam memacu pembangunan negeri, Kerajaan Barisan Nasional Negeri Sabah amat komited untuk turut serta secara langsung dalam industri tersebut. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan proaktif dalam strategi pembangunan industri petroleum dan gas.

15. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Petronas telah membuat pelaburan dalam beberapa projek utama seperti Sabah Oil and Gas Terminal (SOGT), Sabah Ammonia and Urea (SAMUR) dan Loji Janakuasa Kimanis. Di samping itu, Petronas juga sedang merancang pelaburan tambahan dengan nilai RM60 bilion dalam sektor hulu bagi tempoh 5 tahun yang akan datang untuk seluruh Malaysia. Pelaburan-pelaburan ini akan memanfaatkan dan melonjakkan Negeri Sabah menjadi sebuah negeri maju yang berpendapatan tinggi.

Tuan Speaker,

16. Selaras dengan pendekatan proaktif Kerajaan Negeri, sukacita saya menyatakan semula bahawa kita telah berjaya mendapatkan

persetujuan Petronas untuk memiliki 10% pegangan ekuiti dalam LNG 9 di Bintulu, Sarawak.

17. Selain daripada itu, baru-baru ini M3nergy Berhad, anak syarikat milik penuh Sabah Development Bank telah melancarkan kapal *Floating, Production, Storage and Offloading* (FPSO) 'Ratu Nusantara' di Limbungan Keppel, Singapura. Melalui kolaborasi antara Kerajaan Negeri, Petronas dan SKK Migas dari Indonesia, kapal berkenaan akan beroperasi di telaga minyak dan gas Bukit Tua di Indonesia.

18. Adalah diharapkan usaha-usaha yang saya sebutkan tadi bersama-sama dengan pembangunan industri petroleum dan gas yang sedia ada seperti Sabah Oil and Gas Terminal (SOGT) dan Sipitang Oil and Gas Industrial Park (SOGIP) akan menjadi pemangkin dalam pembangunan ekonomi Negeri Sabah.

PRESTASI KEWANGAN NEGERI SABAH

Tuan Speaker

19. Seperti tahun-tahun terdahulu, sumber dan perbelanjaan kewangan negeri ini sentiasa diurus secara berhemat, berkesan dan efisien selaras dengan peraturan-peraturan kewangan yang ditetapkan. Pada tahun 2012, di bawah penarafan Indeks Akauntabiliti oleh Ketua Audit Negara, sebanyak sembilan (9) buah kementerian/jabatan/ badan berkanun dan agensi negeri telah berjaya mencapai penarafan empat (4) bintang iaitu tahap tertinggi. Ini menunjukkan bahawa **rekod pengurusan kewangan Kerajaan**

Negeri Sabah adalah yang terbaik di seluruh negara. Bagi tahun 2013, sekali lagi, sukacita saya memaklumkan bahawa sebanyak dua puluh (20) kementerian/jabatan/badan berkanun dan agensi negeri telah berjaya mendapat penarafan empat (4) bintang. Ini merupakan satu pencapaian yang amat membanggakan kerana bukan sahaja bilangan yang mendapat penarafan empat (4) bintang bertambah lebih dua kali ganda tetapi ia juga menjadikan negeri Sabah sebagai negeri yang mempunyai **pengurusan kewangan yang terbaik dan terunggul di Malaysia untuk dua (2) tahun berturut-turut.**

20. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada mereka yang berjaya, sesungguhnya mereka inilah yang menjadi *'role model'* kepada Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi lain untuk menambahbaik pengurusan kewangan masing-masing. Bak kata pepatah ***"yang pipih tidak akan datang melayang dan yang bulat tidak akan datang bergolek"***, semuanya perlu diusahakan dan setiap usaha hendaklah mempunyai matlamat dan sasaran. Lantaran prestasi cemerlang itu, kerajaan negeri telah dapat mengekalkan "Sijil Tanpa Teguran" atau *"Clean Bill"* Ketua Audit Negara selama 14 tahun berturut-turut.

21. Manakala itu, RAM Rating Service Berhad (RAM) pula sekali lagi telah memberikan penarafan "AAA" (Triple A) kepada negeri Sabah untuk enam (6) tahun berturut-turut dengan mengambilkira kekayaan dan kepelbagaian khazanah alam yang terdapat di negeri Sabah sebagai asas pertumbuhan ekonomi negeri. Dalam pada itu, Intertek Certification International (M) Sdn. Bhd. (sebelum ini dikenali sebagai Moody International) pada tahun 2014 ini telah memberikan

pensijilan semula MS-ISO 9001:2008 yang menjadikannya enam (6) tahun berturut-turut untuk pengurusan dan proses bajet negeri yang teratur dan mematuhi peraturan.

22. Dengan galakan, pengiktirafan dan rekod pencapaian yang cemerlang seperti dinyatakan tadi, saya yakin kita mampu dan akan terus berusaha untuk memacu ekonomi negeri ke tahap yang lebih tinggi untuk **manfaat semua lapisan masyarakat di bandar dan di desa, dan demi kesejahteraan anak cucu kita serta generasi akan datang.**

OBJEKTIF DAN STRATEGI BAJET 2015

Tuan Speaker,

23. Dalam memastikan kesinambungan pembangunan negeri, objektif-objektif bajet 2015 dikekalkan sepertimana objektif-objektif bajet tahun-tahun sebelum ini dengan memberi lebih fokus terhadap pengukuhan kedudukan kewangan negeri; penambahbaikan infrastruktur asas dan prasarana awam; pembangunan belia dan modal insan yang bernilai dan berkualiti tinggi; pembasmian kemiskinan dan peningkatan taraf kualiti hidup rakyat dan pembangunan wilayah yang seimbang.

24. Bagi mencapai matlamat bajet yang saya sebutkan sebentar tadi, Kerajaan Negeri akan melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut:-

- I. Memperkukuhkan kutipan hasil dan memperluaskan sumber hasil;
- II. Merancang perbelanjaan secara optimal (dengan izin, *spending with the greatest impact*);
- III. Menumpukan kepada pembangunan sektoral dan lestari; dan
- IV. Mempertingkatkan sistem penyampaian ke arah pencapaian sasaran.

Tema Bajet 2015

Tuan Speaker,

25. Hasrat dan ikrar kerajaan negeri adalah untuk meneruskan kesinambungan pembangunan serta menyediakan asas yang ampuh bagi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri untuk manfaat generasi akan datang. Maka itu Tuan Speaker, Tema bagi bajet 2015 ialah **“MENUMPU KELESTARIAN PEMBANGUNAN UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT”**. Tema ini mencerminkan komitmen dan iltizam Kerajaan Negeri untuk melaksanakan agenda pembangunan secara berterusan, berdaya mampan dan mesra alam serta mengkonsolidasi usaha kerajaan dalam mempersiapkan asas-asas keperluan demi kesejahteraan masyarakat masa kini dan juga untuk dinikmati oleh pewaris masa akan datang.

Bajet 2015

Tuan Speaker,

26. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, ekonomi negeri Sabah telah tumbuh dengan pesatnya. Ini menunjukkan bahawa inisiatif kerajaan selama ini dalam melaksanakan agenda pembangunan negeri berada pada landasan yang tepat. Namun, apa yang penting ialah Kerajaan sentiasa berusaha dan berikhtiar ke arah memenuhi kepentingan serta aspirasi rakyat yang sentiasa mengharapkan sesuatu yang terbaik daripada Kerajaan. Hal ini sesuai dengan apa yang pernah diungkapkan oleh salah seorang pakar ekonomi dunia yang juga pemenang Nobel Prize, Joseph E. Stiglitz, katanya, ***“Development is about transforming the lives of people, not just transforming economics”***

27. Justeru itu, kita hendaklah meneruskan usaha dan inisiatif pembangunan kerajaan agar matlamat wawasan 2020 dapat direalisasikan. Kita bukan sekadar bercakap kosong. Usaha kita ini telah terbukti dan diakui membuahkan hasil yang positif melalui keberkesanan sistem penyampaian sejajar dengan prinsip dan semangat **“Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”**. Sukacita saya memaklumkan Dewan yang mulia ini, setiap tahun kita telah berjaya membelanjakan purata 85% daripada peruntukan pembangunan tahunan yang disediakan dalam RMK10. Di bawah RMK11 pula yang bermula pada tahun 2016, Kerajaan Negeri Sabah akan melipatgandakan dan mempergiatkan lagi usaha untuk memastikan pembangunan akan berada pada landasan momentum yang memberangsangkan. Insya Allah.

28. Hasil kesinambungan usaha pembangunan yang dibuat melalui bajet tahun-tahun sebelum ini, negeri Sabah kini semakin makmur dan kualiti kehidupan rakyat pula kian bertambah baik. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, selama enam (6) tahun berturut-turut, kita telah melaksanakan bajet defisit untuk mempercepat dan melonjakkan pembangunan negeri bagi memastikan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat kekal terjaga. Untuk tahun 2015, kita akan terus merancang dan akan berusaha mencari kaedah-kaedah terbaik dalam membangunkan negeri ini dengan memfokuskan kepada sektor-sektor untuk mempertingkatkan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat. Oleh itu, Tuan Speaker, untuk tahun 2015, saya mohon mencadangkan perbelanjaan sebanyak **RM 3,812.79 juta**.

29. Pada waktu yang sama, kerajaan juga komited dalam memastikan kutipan hasil menyumbang kepada pengukuhan kewangan negeri supaya ianya dapat menampung keperluan perbelanjaan yang dirancang. Dalam konteks ini, Kerajaan Negeri menganggarkan kutipan hasil 2015 sebanyak **RM3,862.02 juta**. **Buat pertama kalinya sejak 2008**, Bajet Negeri pada tahun 2015 akan menghasilkan **lebih atau surplus sebanyak RM49.23 juta**. Kerajaan Barisan Nasional Negeri yakin bajet ini mampu menampung keperluan perbelanjaan operasi jentera pentadbiran kerajaan serta mengekalkan momentum pembangunan negeri dan menjamin kesinambungan kesejahteraan rakyat.

ANGGARAN PERBELANJAAN PERBEKALAN

Tuan Speaker,

30. Di bawah peruntukan perbekalan bagi tahun 2015 yang berjumlah RM3,812.79 juta, saya mencadangkan agihan peruntukan sebanyak RM716.80 juta untuk Emolumen dan RM1,165.35 juta bagi Perbelanjaan Berulang demi memastikan operasi jentera kerajaan berjalan dengan lancar, efektif dan efisien, agar sistem penyampaian kerajaan berada pada tahap yang memuaskan. Manakala, sejumlah RM1,930.64 juta diperuntukkan bagi Perbelanjaan Khas termasuk Caruman Pembangunan.

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Tuan Speaker,

31. Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2015 melibatkan jumlah sebanyak RM1,303.74 juta yang merangkumi RM746.84 juta daripada Kerajaan Negeri dan RM556.9 juta sumbangan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Sumbangan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan ini terdiri daripada Peruntukan Imbuh Balik Persekutuan sebanyak RM17.7 juta dan Pinjaman Persekutuan sebanyak RM539.2 juta.

32. Pengagihan perbelanjaan pembangunan mengikut bidang pada tahun 2015 adalah seperti berikut:

- (a) Ekonomi: Sebanyak RM455.39 juta atau 60.98%
- (b) Sosial: Sebanyak RM229.61 juta atau 30.74%
- (c) Pentadbiran: Sebanyak RM56.84 juta atau 7.61%
- (d) Simpanan Luar Jangka: Sebanyak RM5 juta atau 0.67%

Agihan Peruntukan Perbekalan dan Pembangunan 2015 mengikut Kementerian

Tuan Speaker,

33. Bagi mendokong kelangsungan peranan, tanggungjawab dan fungsi pelbagai agensi pelaksana kerajaan, agihan peruntukan Perbekalan dan Pembangunan 2015 yang dicadangkan mengikut setiap kementerian adalah seperti yang berikut:

	Kementerian	Agihan	
		Perbekalan (RM Juta)	Pembangunan (RM Juta)
1.	Kementerian Kewangan	1,499.87	9.00
2.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur	723.58	238.46
3.	Jabatan Ketua Menteri	469.63	184.70
4.	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	295.38	133.93
5.	Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna	143.86	4.17
6.	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar	110.05	15.24

	Kementerian	Agihan	
		Perbekalan (RM Juta)	Pembangunan (RM Juta)
7.	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	94.30	22.96
8.	Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat	88.02	4.10
9.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	71.48	103.92
10.	Kementerian Belia dan Sukan	66.73	13.65
11.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	11.61	11.71
12.	Perbelanjaan yang tidak termasuk dalam Kementerian- kementerian	28.50	-
13.	Perbelanjaan Tanggungan	209.78	-
14.	Simpanan Luar Jangka	-	5.00

ANGGARAN HASIL

Tuan Speaker,

34. Seperti yang telah saya umumkan sebentar tadi, anggaran kutipan hasil negeri pada tahun 2015 ialah **RM 3,862.02 juta**. Daripada jumlah ini, **Hasil Bukan Cukai** merupakan penyumbang terbesar dengan anggaran kutipan sebanyak **RM2,199.57 juta** atau 56.95%. Sementara itu, **Hasil Cukai** pula dijangka menyumbang sejumlah **RM1,261.71 juta** atau 32.67%. Manakala, kutipan hasil sebanyak

RM400.75 juta atau 10.38% adalah dianggarkan daripada **Terimaan Bukan Hasil**.

35. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, penyumbang utama kepada kutipan hasil negeri ialah Royalti Petroleum, Cukai Jualan Minyak Sawit Mentah serta Faedah dan Perolehan dari Pelaburan yang mana ketiga-tiga sumber ini menyumbang lebih 66% kepada keseluruhan Hasil Negeri. Walau bagaimanapun, kita akur bahawa sumber-sumber ini adalah di luar kawalan Kerajaan Negeri. Ini adalah kerana penentuan harga dan pengeluaran minyak petroleum serta minyak mentah kelapa sawit adalah tertakluk kepada persekitaran ekonomi dan pasaran global.

Tuan Speaker,

36. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada beberapa jabatan kerajaan negeri yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam kutipan hasil, antaranya Jabatan Tanah dan Ukur, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Air. Pada tahun 2013, Jabatan Perhutanan telah berjaya mengutip hasil sebenar sebanyak 121% . Manakala Jabatan Tanah dan Ukur, 110% dan Jabatan Air, 108% berbanding dengan anggaran hasil tahun berkenaan.

37. Berdasarkan rekod pencapaian ketiga-tiga jabatan ini, saya yakin mereka mampu mengutip hasil yang dianggarkan pada tahun 2014 dan mempunyai kapasiti dan potensi untuk membawa hasil yang lebih tinggi pada tahun 2015. Maka untuk Tahun 2015, Kerajaan Negeri mensasarkan kutipan hasil bagi Jabatan Tanah & Ukur sebanyak RM280 juta, Jabatan Air RM160 juta dan Jabatan Perhutanan sebanyak RM 156.6 juta. Sasaran kutipan hasil ini adalah menjadi

Indikator Pengukuran Prestasi (KPI) jabatan-jabatan berkenaan. Bagi jabatan pemungut hasil yang lain, sasaran kutipan hasil hendaklah juga dijadikan KPI utama mereka.

38. Oleh yang demikian, bagi memastikan sumber dan hasil kerajaan negeri kekal menggalakkan dan Anggaran Hasil Negeri Tahun 2015 dapat dicapai, kerjasama, komitmen dan usaha semua pihak terutamanya Jabatan Pemungut Hasil **adalah amat-amat penting demi pembangunan negeri.**

Cukai Baru

Tuan Speaker,

39. Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, bagi membolehkan Kerajaan Negeri terus menampung perbelanjaan operasi dan pembangunan, kutipan hasil perlu ditingkatkan. Dalam usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan hasil negeri, terdapat keperluan untuk memperluaskan skop cukai jualan negeri. Oleh yang demikian, pengenaan cukai jualan negeri ke atas beberapa produk baru akan dilaksanakan pada tahun hadapan. Produk baru yang dimaksudkan adalah ikan, molusca dan lain-lain yang dibawa keluar dari Sabah. Cukai ke atas produk-produk tersebut akan dapat membantu kerajaan memantau dan mengawal aktiviti perdagangan perikanan untuk memastikan bekalan perikanan negeri kekal mampan disamping dapat mempromosikan negeri Sabah sebagai syurga makanan laut di rantau ini. Kerajaan memberi jaminan bahawa cukai baru yang diperkenalkan ini kelak tidak akan membebankan atau menyusahkan rakyat. Rakyat akan kekal menikmati pelbagai makanan laut yang berkualiti pada

harga yang berpatutan kerana cukai yang dimaksudkan ini tidak dikenakan ke atas penggunaan tempatan.

40. Dengan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada april tahun hadapan, terdapat ruang bagi jabatan-jabatan negeri yang mengutip GST untuk menuntut lebihan *input tax* berbanding dengan *output tax*. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga akan menuntut bayaran balik terhadap GST yang dikenakan ke atas projek-projek pembangunan dan perolehan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Oleh itu, sasaran kutipan hasil untuk tahun 2015 adalah meliputi bayaran balik GST melalui pewujudan Kod Hasil Baru.

PEMBANGUNAN SEKTORAL

Pembangunan Infrastruktur Dan Kemudahan Awam

Tuan Speaker,

41. Kita sedar negeri yang kita cintai ini amat-amat memerlukan kemudahan infrastruktur dan prasarana awam yang berkualiti. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan terus memberi fokus kepada pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi bagi merapatkan jurang perbezaan antara kawasan bandar dan luar bandar serta sekaligus meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat jelata. Di bawah bajet 2015, sejumlah RM1,250.44 juta diperuntukkan untuk penyediaan kemudahan infrastruktur dan prasarana awam.

42. Daripada jumlah ini, sebanyak RM180 juta disediakan untuk meneruskan pelaksanaan program-program pembinaan dan penyenggaraan jalan-jalan bandar dan luar bandar; pembaikan cerun, pembinaan dan penggantian jambatan lama; pengurusan trafik dan pengurusan keselamatan jalan raya.

43. Kerajaan juga akan meningkatkan lagi kemudahan infrastruktur bekalan air terawat, memperluaskan liputan bekalan air dan mengurangkan insiden gangguan bekalan air. Untuk itu, Kerajaan akan menyediakan peruntukan sebanyak RM571.71 juta. Di samping itu, kerajaan akan meneruskan pelaksanaan beberapa projek bekalan air yang dibiayai secara pinjaman persekutuan antaranya termasuklah projek Pembinaan Loji Air dan Pemasangan Rangkaian Paip di Beaufort dengan kos RM226 juta, Pembinaan Loji Rawatan Air Keningau dengan jumlah kos RM235 juta dan Program Mengurangkan Air Tak Berhasil (NRW) KK Fasa IV dengan melibatkan kos sebanyak RM38 juta.

44. Kerajaan adalah komited untuk menyediakan persekitaran yang kondusif, bersih, sihat serta produktif bagi generasi masa kini dan masa hadapan. Sejumlah RM37.23 juta akan diperuntukkan dalam bajet 2015 untuk meningkatkan liputan sistem pembetungan. Adalah diharapkan projek-projek pembetungan seperti Skim Pembetungan Tawau, Skim Pembetungan Lahad Datu dan Skim Pembetungan Bandar-bandar Kecil akan dapat memberi manfaat kepada kualiti hidup rakyat.

45. Penyediaan kemudahan, keselamatan dan kawalan pengangkutan air turut diberi perhatian dalam Bajet 2015. Sebanyak RM12.58 juta akan disediakan untuk tujuan ini yang antaranya melibatkan penyediaan kemudahan jeti untuk keperluan awam dan

penyediaan keselamatan lalu lintas air di had-had pelabuhan (*port limits*).

46. Kerajaan juga prihatin dengan keperluan pengangkutan masyarakat yang bergantung kepada perkhidmatan keretapi. Untuk itu, sebanyak RM27.99 juta disediakan pada tahun 2015 sebagai usaha menambahbaik perkhidmatan dan kemudahan infrastruktur perkhidmatan keretapi agar lebih selesa dan selamat. Peruntukan ini merangkumi perolehan sebuah *Diesel Multiple Unit (DMU) train set* dan sebuah “*tamping Machine*” khas. Di samping itu, keselamatan di kawasan-kawasan lintasan rata juga akan terus diberi perhatian melalui peningkatan penggunaan amaran elektronik serta pembinaan jalan susur.

Mitigasi Banjir

Tuan Speaker,

47. Saya amat bersimpati dengan kesulitan dan kerugian yang dialami oleh penduduk-penduduk di kawasan yang dilanda bencana banjir khususnya pada bulan oktober lalu. **“Berat mata memandang, Berat lagi bahu memikul”**. Sayugia ingin saya mengatakan bahawa Kerajaan Negeri sangat memandang serius perkara ini dan kita akan meneliti serta melaksanakan program-program mitigasi banjir di kawasan-kawasan yang terdedah kepada masalah banjir kilat. Di bawah bajet 2015, sebanyak RM98.63 juta diperuntukkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran untuk mengurus dan membangunkan sistem pengairan dan saliran di seluruh pelusuk negeri. Ini termasuklah pelaksanaan program-program mitigasi banjir secara sistematik untuk

menangani kesan kemusnahan banjir. Kita juga bersyukur kerana Kerajaan Persekutuan sentiasa membantu Kerajaan Negeri untuk menangani dan menyelesaikan masalah banjir di negeri ini.

Pembangunan Sektor Halatuju

Pembuatan

Tuan Speaker,

48. Sektor pembuatan dijangka terus menjadi salah satu daripada sektor utama yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Di bawah bajet 2015 Kerajaan Negeri akan terus menyediakan peruntukan bagi menyokong kerancangan pembangunan sektor pembuatan agar sasaran sumbangan sektor ini kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 8.9% dapat dicapai. Kerajaan juga akan memberi perhatian dan meneruskan usaha untuk meningkatkan daya saing Negeri Sabah terhadap penarikan pelaburan ke sektor pembuatan. Untuk itu, peruntukan sebanyak RM75.69 juta disediakan bagi memastikan persekitaran infrastruktur perindustrian yang lebih kondusif di kawasan-kawasan perindustrian utama seperti Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP), Palm Oil Industrial Clusters (POIC) di Lahad Datu dan Sandakan serta Sipitang Oil and Gas Industrial Park (SOGIP).

Pertanian

Tuan Speaker,

49. Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana negeri kita ini dikurniakan dengan limpahan tanah yang subur, laut yang kaya dengan hasil mahsulnya dan padang ragut yang luas terbentang. Kita sedar, ramai di kalangan rakyat kita bergantung kepada aktiviti pertanian sebagai sumber mata pencarian. Sememangnya, sektor pertanian merupakan nadi utama kestabilan sosio-ekonomi negeri ini. Justeru, sejumlah RM336.50 juta diperuntukkan dalam Bajet 2015 bagi memaju dan memantapkan lagi sektor pertanian. Daripada jumlah itu, sebanyak RM136.32 juta dikhususkan bagi melaksanakan program-program pertanian seperti Program Pengembangan Pertanian, Pengurusan Institusi dan Pusat Latihan Pertanian dan Penyelidikan, Pengurusan Sumber Air serta Sistem Pengairan dan Saliran.

50. Bagi memastikan sumber bekalan makanan berasaskan haiwan ternakan selamat dan dapat memenuhi keperluan rakyat, sejumlah RM52.17 juta disediakan untuk melaksanakan pelbagai program, antaranya, Program Pengendalian dan Penyelenggaraan Unit Pembiakan Ternakan, Penyelenggaraan Makmal Kesihatan Awam Veterinar, Pembelian Susu daripada Penternak, Pendidikan Veterinar dan Perkhidmatan serta Pembersihan Rumah Sembelih. Manakala bagi menyokong program-program yang berkaitan dengan aktiviti perikanan, sejumlah RM33.66 juta diperuntukkan pada tahun hadapan.

Pelancongan

Tuan Speaker,

51. United Nations World Tourism Organization (UNWTO) menjangkakan sektor pelancongan global bakal merekodkan perkembangan sederhana pada kadar 4% hingga 4.5% bagi tahun 2014. Setakat bulan Julai tahun 2014, Sabah telah merekodkan seramai 1,889,301 pelawat iaitu peningkatan sebanyak 2.8% berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Daripada jumlah tersebut, pelawat domestik menunjukkan peningkatan sebanyak 5.2% iaitu 1,280,317 pelawat. Kita semua maklum tahun 2014 merupakan tahun yang amat mencabar kepada negara kita Malaysia dan memberi impak kepada kerancakan sektor pelancongan negeri Sabah khususnya. Saya yakin kita mampu bangun semula dan meletakkan kembali Sabah sebagai satu destinasi pelancongan utama di persada dunia. Justeru, dalam bajet 2015, peruntukan sebanyak RM143.13 juta disediakan untuk mempromosi dan mempergiatkan sektor pelancongan di Sabah. Pada tahun hadapan, kita mensasarkan ketibaan seramai 3.7 juta pelawat dengan jangkaan pendapatan pelancongan sebanyak RM7.382 Bilion.

52. Selaras dengan tema bajet tahun ini, ***Menumpu Kelestarian Pembangunan Untuk Kesejahteraan Rakyat***, kerajaan akan sentiasa memastikan setiap aktiviti pembangunan di Negeri ini dilaksanakan dengan mengambil kira aspek perlindungan dan kelestarian alam sekitar. Kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang akan menjejaskan kelestarian alam sekitar. Berkat usaha Kerajaan Negeri Sabah selama ini dalam pemeliharaan alam sekitar, kita telah mendapat pelbagai pengiktirafan di peringkat antarabangsa

termasuk pengiktirafan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di bawah program United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) ke atas Taman Kinabalu sebagai Tapak Warisan Dunia pada tahun 2000 dan Taman Banjaran Crocker sebagai Rizab Biosfera dan Manusia pada tahun 2014. **Syabas dan Tahniah!**

53. Untuk memastikan eko-sistem flora dan fauna negeri Sabah terpelihara, usaha akan terus dilaksanakan untuk memperluas dan mengurus kawasan pemeliharaan taman-taman dan pusat-pusat hidupan liar. Bagi mendokong usaha perlindungan dan kelestarian alam sekitar, sebanyak RM53.78 juta disediakan dalam bajet 2015. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada tahun hadapan Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan untuk mewartakan **Taman Tun Mustapha di perairan Kudat** seluas **1,092,420 hektar** dan kawasan **Sanktuari Hidupan Liar di Hilir Kinabatangan seluas 89.4 hektar** sebagai **Koridor Hidupan Liar**.

54. Negeri Sabah merupakan sebuah negeri yang kaya dengan kepelbagaian kaum dan budaya. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memelihara khazanah negeri yang unik dan tidak ternilai ini, serta memastikan tidak ada satu etnik di negeri ini terpinggir dalam arus pembangunan budaya. Untuk itu, kerajaan akan terus memberikan perhatian khusus terhadap usaha-usaha memelihara, memperkaya dan memajukan warisan budaya etnik **negeri dengan** menyediakan peruntukan sejumlah RM21.75 juta pada tahun hadapan.

***Langkah diatur mari berunsai
Tiup Sompoton diiring serunai
Budaya bangsa khazanah bernilai
Dijaga dibelai dipupuk disemai
Kesejahteraan Hidup Rakyat***

Tuan Speaker,

55. Pembasmian kemiskinan dan peningkatan kesejahteraan hidup rakyat di bumi bertuah ini sentiasa menjadi tunjak dan aspirasi Kerajaan Barisan Nasional Negeri. Kerajaan akan terus menyediakan peruntukan bagi melaksanakan pelbagai program pembasmian kemiskinan. Untuk itu, sebanyak RM260.12 juta diperuntukkan pada tahun hadapan bagi meneruskan agenda pembasmian kemiskinan dan mensejahterakan rakyat.

56. Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan Program Mini Estet Sejahtera (MESEJ) yang terbukti mendatangkan manfaat kepada golongan sasaran. Sehingga ini, sebanyak 32 buah MESEJ tanaman getah dan kelapa sawit sedang dilaksanakan di seluruh Sabah. Di samping itu terdapat juga MESEJ Akuakultur dan MESEJ yang lebih kecil ataupun MESEJ Mikro yang telahpun beroperasi. Secara keseluruhannya, kini terdapat sejumlah 48 buah MESEJ Pertanian, MESEJ Akuakultur dan MESEJ Mikro yang telah siap dan sedang dilaksanakan di seluruh negeri. Apabila siap sepenuhnya projek-projek MESEJ ini dijangka mampu menempatkan seramai lebih dari 2000 Ketua Isi Rumah Miskin Tegar (KIRMT) di seluruh negeri. Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri akan memperuntukan sebanyak RM18.5 juta bagi meneruskan projek-projek MESEJ dan sebagainya.

Pembangunan Sosial Dan Kebajikan Am

Tuan Speaker,

57. Kerajaan amat prihatin dengan keperluan dan kebajikan kelompok warga emas dan masyarakat kurang upaya. Kerajaan akan terus mempertingkatkan mutu perkhidmatan penyaluran bantuan kepada rakyat Negeri Sabah melalui beberapa skim bantuan seperti Skim Bantuan Am (SBAM), Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Bekerja (OKU-BTB). Disamping itu, Kerajaan juga akan meneruskan pelaksanaan program berunsur "*productive welfare*" seperti Program Pembangunan Sosial, Pusat Perkembangan Kanak-Kanak, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti, Pusat Aktiviti Warga Emas dan Pusat Sukarelawan Sabah. Bagi meneruskan komitmen kerajaan dalam menjaga kesejahteraan golongan ini, sebanyak RM76.55 Juta akan disediakan pada tahun hadapan. Sayugia, kerjasama yang diberikan oleh Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah (MPMS) dan badan-badan kebajikan lain selama ini dalam mendokong program kebajikan kerajaan amat saya hargai. Justeru itu, saya berharap jalinan kerjasama ini dengan berkonsepkan "**Sentuhan Rakyat**" dan "**Turun Padang**" akan terus diperkukuhkan lagi pada masa-masa hadapan ke arah menyediakan perkhidmatan dan bantuan yang mesra pelanggan. Kerajaan akan menyediakan bantuan kewangan kepada MPMS dan badan-badan kebajikan lain sebanyak RM3.1 juta pada tahun hadapan.

Kuasa Tempatan dan Institusi Anak Negeri

Tuan Speaker,

58. Sukacita saya memaklumkan bahawa Pelan Struktur Sabah telahpun disiapkan. Pelan Strategik ini menggariskan beberapa tonggak utama wawasan Kerajaan ke arah mencapai pembangunan fizikal yang terancang dan kesaksamaan sosial, kualiti hidup yang tinggi, penyediaan infrastruktur yang mampan dan mempunyai jaringan perhubungan yang baik di seluruh Negeri. Manakala pelaksanaan pusat-pusat pertumbuhan baru di bawah Program Pembangunan Pekan-Pekan Baru akan terus dilaksanakan seperti Pulau Banggi, Paitan, Pegalungan, Tongod, Kemabong dan Sukau. Sebanyak RM104.75 juta diperuntukkan pada tahun hadapan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk melaksanakan tanggungjawabnya.

59. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Barisan Nasional Negeri sentiasa mengiktiraf peranan Ketua-Ketua Adat semua Anak Negeri dan Masyarakat Cina dalam memastikan keharmonian dan perpaduan di kalangan rakyat. Demi memartabatkan Institusi Anak Negeri, Kerajaan Negeri telah bersetuju menaikkan Pejabat Hal Ehwal Anak Negeri menjadi satu Jabatan penuh. Sejumlah RM21.52 juta diperuntukkan untuk mengurustadbir Institusi Anak Negeri ini pada tahun hadapan. Selain daripada peruntukan tersebut, Kerajaan Persekutuan juga komited untuk memartabat dan memperkasakan Institusi Anak Negeri. Sebanyak RM33 juta telah diperuntukkan untuk pembinaan Institut Latihan Anak Negeri (ILMAN) yang dijangka siap

pada tahun 2015 dan sejumlah RM68 juta disediakan untuk pembinaan bangunan Mahkamah Anak Negeri yang baru di enam buah daerah.

Pembangunan, Belia, Modal Insan Dan ICT

Belia dan Modal Insan

Tuan Speaker,

60. Modal insan adalah tonggak kecemerlangan generasi masa hadapan dan aset insani yang terpenting bagi memastikan kelangsungan kemajuan sesebuah negara bangsa. Dalam usaha untuk membawa negeri Sabah **terus** maju dan **mara** ke hadapan, pembangunan modal insan secara holistik akan diperhebatkan. Kerajaan akan memastikan modal insan kita adalah modal insan yang mempunyai kualiti intelektual yang tinggi, berfikiran kritis, berkemahiran *interpersonal*, kreatif dan inovatif. **Kendatipun** begitu, kita akan mengimbangi pembangunan modal insan ini dengan nilai-nilai murni, agar kejayaan yang kita kecapai kelak mempunyai nilai-nilai integriti dan kemanusiaan sejagat. Oleh itu, sebanyak RM234.6 juta diperuntukkan kepada pelbagai agensi untuk membangun dan memartabatkan modal insan yang melibatkan golongan belia pada tahun hadapan.

61. Saya yakin, kejayaan kita melonjakkan daya saing dan daya maju golongan belia atau Generasi Y, yang dianggarkan meliputi 41% daripada penduduk Negeri Sabah, mampu memberi kesan dan impak yang tinggi dalam menentukan keseimbangan sosio-ekonomi dan produktiviti negeri. Pepatah Arab ada mengatakan ***"iza aradta an ta'rifa mustaqbala ummatin maa fanzhur ila shabaabiha al-yaum"***

atau dalam bahasa melayu lebih kurang maksudnya ***“jika hendak melihat bangsa akan datang, maka lihatlah remaja hari ini”***. Demikianlah besarnya peranan remaja atau belia dalam sesebuah Negara. Justeru, keupayaan kita menjana modal insan yang berkualiti, berbakat, berinovasi dan beretika di kalangan Generasi Y merupakan faktor utama bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan dan makmur serta meletakkan kedudukan Malaysia pada landasan yang tepat dalam Daya Saing Global.

62. Kerajaan amat memahami akan kehendak, citarasa dan aspirasi golongan muda. Mereka adalah pewaris negeri dan negara serta penentu masa depan sebuah tanah air yang kekal merdeka, maju, aman dan sejahtera. Pada tahun hadapan Kerajaan akan meneruskan program-program untuk pembangunan belia seperti **Program Transformasi: Dari Belia Untuk Belia** yang mencerminkan penyatuan usaha kerajaan bersama Majlis Belia Sabah (MBS), 13 Ahli Gabungan MBS dan Persatuan Belia Akar Umbi untuk melaksana program dan aktiviti bagi melibatkan golongan belia dalam arena Komuniti Belia Sihat, Aktif dan Progresif. Ini adalah sejajar dengan Teras Strategik Pembangunan Belia yang menekankan antaranya kepada aspek pemerkasaan belia, pembudayaan berpersatuan, kemahiran dan keusahawanan serta pembangunan sosial dan perpaduan.

63. Usaha meningkatkan kesejahteraan masyarakat dan perkembangan positif golongan belia sentiasa diberi perhatian yang serius melalui kerjasama pintar antara Kerajaan, Sektor Swasta dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs). Untuk membantu pelaksanaan program dan aktiviti yang melibatkan belia termasuk geran kepada Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs), peruntukan sejumlah RM14.91

juta disediakan. Dalam pada itu, saya menyeru agar sektor swasta mempertingkatkan sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) untuk golongan belia. Kita berharap dengan kerjasama pintar ini akan memupuk dan menghasilkan belia yang berkeperibadian luhur, murni, beradab tinggi, berfikiran positif dan patriotik serta mempunyai semangat kesukarelawan yang tinggi.

***Berpakaian segak dalam barisan
Sama melangkah rapi dan sopan
Belia negara penggerak wawasan
Tonggak kejayaan masa hadapan***

Pembangunan Sukan

Tuan Speaker,

64. Sukan merupakan satu wadah terbaik dalam melahirkan masyarakat yang mengamalkan gaya hidup sihat, berkeyakinan serta berfikiran ke hadapan dan positif. Selain daripada itu, sukan juga salah satu platform melahirkan lebih ramai atlet bertaraf kebangsaan dan antarabangsa. Oleh itu, bagi meningkatkan kecemerlangan sukan, Kerajaan Negeri akan melaksanakan transformasi pembangunan sukan berpaksikan teras strategik kecemerlangan sukan di bawah **“Blueprint Pembangunan Sukan Negeri Sabah 2015–2030”**. Transformasi ini adalah berasaskan peningkatan kompetensi dan pembudayaan semangat kompetitif di kalangan atlet. Bagi tujuan itu, sebanyak RM53.55 juta disediakan untuk menyokong pelaksanaan transformasi yang berfokuskan kepada elemen-elemen pembangunan atlet, kejurulatihan, kepegawaian sukan dan teknikal, jaringan kerjasama dan

perkongsian pintar serta penyelidikan dan penyediaan prasarana sukan yang berkualiti.

Perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

Tuan Speaker,

65. Teknologi komunikasi merupakan kemudahan dan keperluan kehidupan harian masa kini. Dengan adanya **infrastruktur** dan **infostruktur** ICT yang sesuai, ia mampu menghubungkan kita pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Sebagai melengkapkan usaha Kerajaan Persekutuan memperluaskan liputan telekomunikasi dan jalur lebar, Kerajaan Negeri pula akan terus melengkapkan rakyat dengan pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan untuk memanfaatkan maklumat tersebut. **Hakikatnya, generasi kita ini adalah generasi “digital natives” yang bergantung kepada ICT. Oleh itu, bagi menyokong pembangunan ICT dan memberikan perkhidmatan ICT yang cekap dan berkualiti kepada pemimpin-pemimpin, ketua-ketua masyarakat, ketua-ketua kampung, beliau-beliau, belia-belia, anak-anak dan cucu-cucu di kota dan di kampung serta di pulau-pulau, di lembah-lembah dan di bukit-bukit,** sebanyak RM71.36 juta disediakan pada tahun 2015. Program-program ini termasuklah latihan untuk orang awam, pusat-pusat e-Desa, Robo-Neo, *Sabah Screen Fest*, pusat inkubasi maya dan memperkasakan usahawan techno.

Memupuk Tabiat Membaca

66. Nabi Muhammad SAW pernah bersabda **“Tuntutlah ilmu hingga ke Negeri China”**. Ini menunjukkan bahawa menuntut ilmu itu adalah satu keperluan asasi kehidupan untuk menjadikan kita insan yang

berilmu dan bertamaddun tinggi. Menyedari kepentingan budaya membaca untuk mempersiapkan generasi akan datang, Kerajaan akan terus mempergiatkan program kempen membaca di seluruh rangkaian Perpustakaan Negeri Sabah. Ini melibatkan penyediaan perkhidmatan perpustakaan yang inklusif, kemudahan ICT yang lengkap, lebih banyak perkhidmatan Perpustakaan Bergerak, membangunkan koleksi perpustakaan yang komprehensif serta memperkukuh perkongsian pintar yang sedia terjalin dengan perpustakaan MAY di Jepun, Yayasan Sabah, Jabatan Pendidikan dan NGOs. Bagi menyokong hasrat ini sebanyak RM39.28 juta disediakan kepada Perpustakaan Negeri Sabah pada tahun hadapan. Dalam pada itu, Kerajaan juga amat menghargai sumbangan pihak korporat dalam pembinaan Perpustakaan Wilayah Kota Kinabalu yang mempunyai ciri Teknologi Hijau di Tanjung Aru, bersebelahan dengan Perdana Park, yang juga merupakan sebuah projek Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

PEMBANGUNAN WANITA

Tuan Speaker,

67. Kerajaan tidak akan melupai atau meminggirkan kaum wanita. Dalam memajukan negeri dan negara, peranan kaum wanita tetap diberi perhatian dan pertimbangan, malah ada ketikanya, wanita diberi keistimewaan melebihi kaum lelaki. Kepimpinan wanita di negara ini sudah semakin menyerlah. Kejayaan yang dicapai bukan semata-mata sebagai surirumah, bahkan meliputi pelbagai aspek pekerjaan dan profesion sama ada dalam sektor awam atau pun swasta, termasuklah sebagai guru dan pensyarah, doktor dan peguam, ahli korporat atau ahli politik yang berjaya.

***Pergi ke Tamu di pinggir kota
Ingin membeli kayu setinggi
Kita perakui peranan wanita
Khidmat mereka dinilai tinggi***

***Cantik coraknya kain pelikat
Bertambah molek bila dipakai
Kaum wanita TATAP diingat
Jasabaktinya disanjung ramai***

68. Sesungguhnya wanita merupakan **“*tiang seri*”** dalam institusi keluarga, sebagai isteri, sebagai ibu malah sebagai pendidik pertama dan utama kepada pendidikan anak-anak di rumah. Kita sedar bahawa wanita juga memainkan peranan penting dalam mencorakkan arus pembangunan negeri, di samping menjadi pemangkin perpaduan serta rakan kongsi pintar kepada kerajaan dalam merealisasikan transformasi negara. Menyedari hakikat ini, kerajaan sentiasa menyediakan peruntukan yang diperlukan bagi melaksanakan program-program untuk pembangunan wanita. Di bawah bajet 2015, sebanyak RM50.78 juta peruntukan disediakan bagi maksud tersebut.

69. Saya sedar dan bangga bahawa bilangan cerdik pandai wanita di Sabah ini semakin bertambah ramai. Adalah satu kerugian bagi negeri ini sekiranya kita tidak mengetengahkan ilmu, pengetahuan, kemahiran dan jaringan yang mereka miliki untuk sama-sama membangunkan negeri ini. Saya menyeru mana-mana pihak melibatkan lebih ramai cerdik pandai wanita untuk sama-sama berkhidmat memajukan negeri ini. Dalam masa yang sama, saya juga mempelawa lebih ramai kaum

hawa tampil kehadapan memberikan perkhidmatan, kepakaran dan tenaga mereka demi kemajuan negeri yang tercinta ini.

Pencapaian Agensi Awam

Tuan Speaker,

70. Kerajaan Negeri akan terus memberi perhatian kepada pencapaian badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat kerajaan kerana agensi-agensi ini memainkan peranan sebagai pemangkin dan pelengkap kepada pelaksanaan agenda pembangunan kerajaan. Trend 3 tahun terakhir menunjukkan secara keseluruhan prestasi kewangan agensi kerajaan negeri dan badan berkanun negeri berada di tahap yang baik. Saya berbangga dengan pencapaian badan berkanun dan syarikat kerajaan yang terus merekodkan pengurusan kewangan yang baik seperti Sabah Development Bank Bhd., Sawit Kinabalu Bhd., Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd., Perbadanan Pinjaman Sabah, Sabah Energy Corporation, Progressive Insurance Bhd., Borneo Development Corporation (BDC), Saham Sabah Berhad, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO), Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (KO-Nelayan), Desa Plus Sdn. Bhd. dan Yayasan Tun Fuad (YTF).

71. Saya amat berbesar hati memaklumkan Dewan yang mulia ini, pada tahun ini dianggarkan, Kerajaan Negeri akan menerima dividen melebihi RM100 juta. Antara Badan Berkanun dan syarikat yang membayar dividen ialah Sabah Development Bank, Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd., Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd, Progressive Insurance Bhd., Desa Plus Sdn. Bhd., Desa Lestari Sdn. Bhd., Suria

Capital Holdings Bhd., Saham Sabah Berhad, Borneo Development (Sabah) Corporation Sdn Bhd (BDC) dan K.K.I.P Sdn. Bhd. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada agensi-agensi ini yang berprestasi cemerlang hingga dapat menunaikan tanggungjawab ke atas peningkatan hasil Kerajaan Negeri. Saya menggesa agensi-agensi lain agar turut mengisytiharkan dividen kepada Kerajaan Negeri sebelum penghujung tahun ini.

72. Pada tahun 2014, beberapa badan berkanun dan agensi Kerajaan Negeri pula telah membuat pembayaran balik pinjaman dan sebilangan lagi telah menyatakan komitmen untuk membuat pembayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Negeri antaranya, Sawit Kinabalu Bhd., Perbadanan Pinjaman Sabah, Tabin Wildlife Holidays Sdn. Bhd., Sabah Fish Marketing Sdn. Bhd (SAFMA), Lembaga Industri Getah Sabah dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO). Saya juga ingin mengingatkan agar agensi-agensi kerajaan yang lain berusaha untuk membayar balik pinjaman kepada Kerajaan Negeri.

Pengumuman Khas

Menghargai Penjawat Awam/Anggota Pentadbiran

Tuan Speaker,

73. Sebagai tenaga penggerak pembangunan dan kemajuan, golongan pekerja dalam sektor perkhidmatan awam adalah komponen yang sangat penting dalam sesebuah kerajaan. Bagi menghargai sumbangan dan tenaga penjawat awam dalam membantu kerajaan

merealisasikan agenda pembangunan negeri, maka Kerajaan Negeri bersetuju untuk membayar bonus setengah bulan gaji dengan bayaran minimum RM500.00 kepada anggota perkhidmatan awam negeri yang layak. Bayaran bonus ini, akan dibuat serentak dengan bayaran gaji pada bulan Januari 2015. Dengan ganjaran bonus ini Kerajaan berharap prestasi dan pencapaian sistem penyampaian Kerajaan akan terus meningkat dan dipertingkatkan sesuai dengan matlamat kita yang inginkan sektor perkhidmatan awam terus maju dan cemerlang.

Tuan Speaker,

74. Peranan dan sumbangan Anggota Pentadbiran Negeri dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri juga tidak dilupakan. Maka bagi menghargai sumbangan dan khidmat bakti semua Anggota Pentadbiran Negeri dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dalam pembangunan negeri Sabah, kerajaan bersetuju mengkaji semula jadual gaji Anggota Pentadbiran dan elaun Ahli Dewan Undangan Negeri yang telah digunapakai sejak tahun 2009. Bagi memenuhi keperluan tersebut, Kerajaan mencadangkan kenaikan sebanyak 50% gaji Anggota Pentadbiran dan elaun Ahli Dewan Undangan Negeri berkuatkuasa 1 Januari 2015. Adalah diharapkan dengan kenaikan ini, semua Anggota Pentadbiran Negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri akan bekerja lebih keras, bertungkus lumus, berhujan berpanas dan bersengkang mata untuk berkhidmat dan berbakti serta mempertingkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat yang dikasihi.

PENUTUP

Tuan Speaker

***Masak ranum buah Keranji
Dimakan oleh sekawan Punai
Pabila BN membuat janji
Janji itu pasti ditunai....***

75. Sejak 51 tahun lalu, Negeri Sabah terus maju dan mara ke hadapan, selari dengan arus kemajuan dan pembangunan negara. Daripada sebuah negeri yang serba kekurangan, hari ini negeri Sabah sudah banyak berubah hasil daripada kerja keras kita bersama serta limpahan arus perubahan dan kemajuan. Kita seharusnya berbangga dengan pencapaian dan kejayaan hasil kerja keras itu sejak lebih lima dekad yang lalu. Sesungguhnya, jauh sudah perjalanan kita; meninggalkan era penjajahan dan melepasi zaman kemunduran. Tugas mengisi kemerdekaan adalah tanggungjawab semua orang yang bernama rakyat Malaysia, tanpa mengira kaum, agama, budaya atau pun fahaman politik. Hari ini, kita wujud di bumi Sabah yang permai ini kerana bersebab, iaitu untuk memastikan negeri ini terus maju, aman dan makmur, agar generasi akan datang berupaya hidup aman sejahtera atau lebih baik daripada zaman kita. Dalam erti kata lain, tanah tumpah darah bertuah ini hendaklah kita jaga dengan baik, ditadbir dan diurus dengan cemerlang, agar generasi mendatang rasa bertuah kerana mereka dapat mewarisi sebuah negeri yang bukan sahaja indah serta memikat jiwa tetapi juga aman, makmur dan sentosa.

76. Keikhlasan Kerajaan Barisan Nasional tiada siapa yang boleh mempertikaikannya. Bukan sedikit yang telah diperjuangkan oleh Barisan Nasional dalam membawa negeri Sabah dan negara Malaysia ke mercu kejayaan sepertimana kedudukan kita sekarang. Pelbagai usaha, pelbagai program dan pelbagai projek pembangunan telah dilaksanakan bagi memastikan rakyat mendapat kesenangan dan keselesaan. Inilah berkat perjuangan yang bertunjangkan aspirasi rakyat yang disulami dengan keikhlasan para pemimpin. Sesungguhnya, Barisan Nasional ini ibarat sebuah payung keramat, apabila payung sudah terbuka ia menaungi dan melindungi seluruh rakyat daripada ditimpa hujan atau dipanasi mentari di tengahnya.

Elok pemimpin setia berkhidmat

Menabur bakti sepanjang hayat

BN umpama payung keramat

Tempat berteduh sekalian rakyat

Tuan Speaker,

77. Kesatuan dan perpaduan adalah kunci kepada kejayaan. Sebaliknya adu-domba, hasad dengki, hasutan, perpecahan dan persengketaan adalah pintu kepada kehancuran dan kebinasaan. Cukuplah sekadar apa yang pernah kita terbaca dan cukuplah sekadar apa yang pernah kita dengar dan lihat tentang persengketaan dan peperangan yang semakin berleluasa di merata dunia terutama di Timur Tengah. Kita sedih dan hiba dengan apa yang berlaku itu. Kita geram dan marah dengan peperangan dan pembunuhan yang tiada kesudahannya. Tetapi itulah akibatnya jika kepercayaan telah musnah dan itulah juga padahnya jika perpaduan telah hancur dan binasa.

Jangan sekali-kali kita impikan sesuatu yang bukan-bukan dan jangan sekali-kali kita fikirkan sesuatu yang boleh mendatangkan kecelakaan! Kepada pihak yang berani menyemarakkan api kebencian serta membakar semangat permusuhan; ingin saya mengingatkan, sesungguhnya sudah lebih lima dekad kita merdeka dan berjuang bagi mengisi kemerdekaan, mengapa harus dipertikai segala pencapaian dan kejayaan yang telah kita kecapai selama ini? Suara-suara sumbang bernada negatif dan gerakan subversif serta suara-suara sumbang yang menidakkan usaha dan pencapaian Kerajaan, semua itu adalah dakyah dan hasutan yang hanya merugikan rakyat serta mengancam kemakmuran dan keselamatan.

***Kalau tidak sayangkan kampung
Janganlah dibakar seluruh desa
Kalau pun tidak ingin menyokong
Jangan digadai maruah bangsa!***

***Batu permata nilam kencana
Diukir orang tinggi nilainya
Mengapa dicari bala bencana
Negeri makmur musnah nantinya***

78. Kepada rakyat yang dikasihi, kami ingin berpesan dan mengingatkan, janganlah mudah percaya dan terpedaya dengan dakyah-dakyah yang bukan-bukan. Janganlah mudah terpengaruh dengan janji-janji palsu yang sebenarnya hanya “*indah khabar dari rupa*”, dan janganlah lalai serta leka dibuai mimpi-mimpi indah dari nyanyian para petualang yang sumbang dan songsang!

79. Kepada golongan pengadu-domba, tukang kipas dan tukang carut, kami ingin memberikan peringatan, hentikanlah segala hasutan dan segala pembohongan. Hentikanlah segala dakyah yang akhirnya akan memperjudikan nasib masa depan rakyat jelata. Sebagai penggalas amanah dan pemikul mandat rakyat - kami memberi amaran - atas nama perjuangan yang berpegang pada prinsip **DI MANA BUMI DI PIJAK, DI SITULAH LANGIT DIJUNJUNG**, maka apa juga cabaran dan ancaman yang boleh menggugat kemakmuran dan kedaulatan negara, khususnya Negeri Sabah, akan kami perangi habis-habisan walau sampai ke hujung nyawa! **BIAR GURUH BERDENTUM DI LANGIT, BIAR KILAT MEMBELAH BUMI, MEMBUJUR LALU MELINTANG PATAH! MENYERAH KALAH PANTANG SEKALI!!!**

Tuan Speaker,

80. ***“Bulat air kerana pemetung, Bulat manusia kerana muafakat”***. Maka, saya menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat, jentera-jentera pentadbiran awam dan juga swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGOs), para pemimpin masyarakat, golongan wanita dan para belia serta rakyat seluruhnya, marilah kita bertindak dalam **satu nada, satu hati dan satu matlamat bagi memastikan momentum agenda pembangunan terus diperhebatkan.**

81. Kini, ***“Perahu sudah di air, Dayung sudah di tangan,”*** marilah kita merapatkan barisan, mengatur langkah dan bergerak maju ke hadapan demi kejayaan yang lebih cemerlang. Seterusnya, marilah kita panjatkan doa ke hadrat Allah S.W.T, Tuhan yang Maha Esa, agar segala usaha murni kita, segala yang kita cita-citakan dan segala yang

kita harap-harapkan, terlaksana dan tercapai dengan jayanya; demi kemakmuran dan kebahagiaan yang berkekalan.

Tuan Speaker,

Saya mohon mencadang.